

Dua projek beri impak besar

BN 07.03.2012 2

KOTA KINABALU: Dua projek berskala besar iaitu program pengkulturan komersial dan program menaik taraf penternak sedia ada yang bakal dilaksanakan menerusi pembangunan kluster bagi industri rumpai laut di negara ini, akan memberi impak besar terhadap status ekonomi pengusaha di Sabah.

Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Yahya Husin, berkata kedua-dua program menerusi Jabatan Perikanan dengan kerjasama Jabatan Perikanan negeri itu berupaya membantu meningkatkan taraf hidup penternak dan nelayan yang terbabit secara langsung dalam aktiviti penanaman rumpai laut.

"Kita harap rakyat negeri ini merangkumi pengusaha, pelabur, pe-

nyelidik dan individu yang berminat akan merebut peluang bagi melonjakkan potensi industri rumpai laut negara," katanya pada majlis menandatangani perjanjian Projek Estet Mini Rumpai Laut bersama syarikat peneraju di Wisma Pertanian di sini, semalam.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Johari Baharum menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang mewakili kerajaan dengan 11 syarikat peneraju bagi projek berkenaan.

Hadir sama Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Musbah Jamli dan Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Kamaruzaman Ampon.

Yahya berkata, sejajar program

transformasi ekonomi negara, kerajaan mengambil beberapa langkah strategik bagi transformasikan industri rumpai laut kepada perniagaan berskala komersial dan mempunyai pulangan tinggi.

"Ia termasuk penyediaan kawasan penternakan baru dalam Zon Industri Akuakultur (ZIA) yang dilaksanakan Jabatan Perikanan negeri.

"Kita mengenal pasti kira-kira 43,000 hektar kawasan perairan yang membabitkan daerah pengeluaran utama iaitu di Semporna, Lahad Datu, Kunak dan Tawau, berpotensi tinggi dimajukan sebagai kawasan tanaman rumpai laut hingga 2020," katanya.

Yahya berkata, pelaksanaan Program Estet Mini Rumpai Laut mampu memacu pembangunan industri ini dengan lebih dinamik.